

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

(a) Tandakan (✓) bagi kata ganda yang betul berdasarkan ayat-ayat di bawah.

- (i) Kamal begitu _____ ketika menggunakan gergaji itu ketika memotong kayu supaya tidak cedera.

beria-ia ()

berhati-hati ()

bersungguh-sungguh ()

- (ii) Encik Hassan _____ di luar bilik temu duga itu ketika menunggu gilirannya untuk dipanggil oleh panel penemu duga.

bolak-balik ()

kacau-bilau ()

mundar-mandir ()

[2 markah]

(b) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) Ketua Kampung telah diundang untuk _____ Sukaneka Kejiranan di padang awam itu.	mengiktiraf
(ii) Golongan belia perlulah _____ diri untuk menghadapi cabaran pada masa depan.	merasmikan
(iii) Malam Jasamu Dikenang diadakan untuk _____ sumbangan dan bakti guru-guru di sekolah itu.	mempersiapkan
(iv) Sultan Selangor telah _____ pembukaan Ujian Tilawah Al-Quran peringkat negeri Selangor.	menyempurnakan

[2 markah]